

SKEMA JAWAPAN BM (K1)
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]


BAHAGIAN A

[30 markah]

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan sungai-sungai di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang sungai.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



ANALISIS SOALAN

TEMA : Sungai

FORMAT : Tiada

FOKUS : Kepentingan Sungai

IDEA

BAHAN 1	BAHAN 2	BAHAN 3
Sungai-sungai utama di Malaysia (Masukkan pada bahagian pendahuluan atau huraian idea)	Bekalan Air Bersih • Sumber Makanan • Menjalankan aktiviti harian • Elakkan sumber air tercemar • Mandi, mencuci dan sebagainya	Tempat Berekreasi • Mendapatkan ketenangan • Mejalankan kegiatan riadah – kayak • Menjadi tarikan pelancong • Sumber ilham kepada pengkarya/pelukis.

1. Karangan hendaklah diperiksa seperti biasa. Sekiranya calon menjawab seperti berikut :

- a. Semua idea daripada bahan rangsangan .
- b. Sebahagian idea daripada bahan rangsangan

2. Diharapkan calon dapat menjawab soalan berdasarkan maklumat yang diberikan.

2.1 Fokus 1 : **Kepentingan sungai**

- i. Bekalan air bersih
- ii. Berekreasi

3. Sekiranya calon tidak mengambil idea daripada bahan, maksimum peringkat

PENGUASAAN MINIMUM (10-14)

4. Sekiranya calon tidak menyentuh **semua bahan yang diberikan** tetapi **masih menepati tema**, maksimum peringkat **MEMUASKAN (15-19)**

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500** patah perkataan.*

1.

Pelancongan domestik tetap menjadi pilihan rakyat ketika ini. Malah beberapa lokasi pelancongan menerima sambutan yang menggalakkan. Antara faktornya ialah **terdapat banyak destinasi yang masih belum dilawati**. Berdasarkan pemerhatian, didapati ramai memilih untuk **meneroka lokasi pelancongan yang kurang sesak dan memilih kawasan yang selamat** untuk keluarga masing-masing. Mereka yang sebelum ini bercuti di luar negara juga turut memilih untuk melancong di dalam negara.

Dipetik dan diubahsuai daripada Pelancongan Domestik Jadi
Pilihan Rakyat Sinar Harian 7 Jun 2023

Maklumat di atas menyatakan **faktor-faktor pemilihan lokasi** pelancongan dalam negara oleh sebahagian rakyat Malaysia.

Bincangkan faktor-faktor tersebut.

Kehendak / tugas soalan

- Calon dikehendaki **membincangkan faktor-faktor pemilihan lokasi** pelancongan yang terdapat dalam petikan.
- Calon menggunakan **sebahagian daripada isi/ sebahagian daripada isi** dan **ditambah idea sendiri**-tanda seperti biasa
- Calon tidak menggunakan isi daripada bahan-**MEMUASKAN**
- **Kemungkinan jawapan:**
- Calon menghuraikan idea **selain ciri** seperti kepentingan /langkah– maksimum peringkat **MEMUASKAN**

CADANGAN JAWAPAN

1. Banyak lagi destinasi yang masih belum dilawati.
 2. Meneroka lokasi pelancongan yang kurang sesak
 3. Memilih kawasan yang selamat
 4. **Menjimatkan wang dan masa (Tambahan)**
- 2.

KOTA BHARU - Kerajaan menggalakkan golongan muda untuk meneroka bidang penternakan ikan kelah yang sentiasa mendapat permintaan tinggi dalam pasaran. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, disebabkan golongan muda tidak tertarik untuk menjadi nelayan, penternakan ikan kelah boleh dijadikan satu inisiatif baharu. Menurutnya, bidang tersebut juga mampu mengisi kekosongan sektor perikanan dan pemakanan.

Sumber : Berita Nasional oleh ROSMIZA KASIM 30 Mei 2020

Petikan akhbar di atas membuktikan bahawa bidang penternakan ikan merupakan satu sumber rezeki yang luas. Namun begitu, bidang ini tidak menjadi pilihan generasi muda.

Huraikan langkah-langkah menggalakkan generasi muda menceburi bidang penternakan ikan.

Kehendak / tugas soal

- Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah menggalakkan generasi muda menceburi bidang ternakan ikan.**

Kemungkinan jawapan:

- Calon menghuraikan idea **selain pernternakan ikan** peringkat **PENGUASAAN MINIMUM**
- Calon menghuraikan kata kunci **selain langkah PENGUASAAN MINIMUM**

CADANGAN JAWAPAN

1. Kerajaan menjalankan kursus kepada penternak-penternak baharu
2. Kementerian membuat jerayawara ke sekolah-sekolah untuk promosi dan hebahan

3. Kerajaan dengan kerjasama bank menyediakan pinjaman dengan kadar faedah rendah
4. Memberi subsidi/ dana /benih anak ikan.

3.

Impian seorang jururawat untuk memiliki kereta utiliti sukan (SUV) Honda HRV bukan hanya tidak tercapai malah dia mengalami kerugian RM 10,300 selepas terpedaya dengan sindiket cinta siber. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt. Mohd Wazir Mohd Yusof berkata bahawa jururawat itu hanya menyedari dirinya ditipu selepas menceritakan hal berkenaan kepada rakan-rakannya.

Sumber : Dipetik daripada *Bernama* 10 Oktober 2019

Kes jenayah siber semakin membimbangkan berikutan ramai dalam kalangan masyarakat yang telah menjadi mangsa. Peranan pelbagai pihak perlu dilakukan bagi mengelakkan jenayah siber.

Ulaskan.

Kehendak / tugas soal

- Calon dikehendaki **membincangkan peranan pelbagai pihak.**

Kemungkinan jawapan:

- Calon menghuraikan satu pihak maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- Calon mengulas tentang jenayah secara umum- peringkat **MEMUASKAN**
- Calon menghuraikan **selain** peranan-peringkat **PENGUASAAN MINIMUM.**

CADANGAN JAWAPAN

1. Pihak media massa bekerjasama menguarkkan kes-kes penipuan siber
2. Pihak sekolah memberi pendidikan sedari bangku sekolah melalui subjek-subjek yang relevan.
3. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyekat penularan kes dan memperketat sistem keselamatan.
4. Masyarakat sentiasa cakna dan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa berkenaan penipuan siber

4.

Kepimpinan di dalam kehidupan seseorang pelajar tidak dapat dipisahkan. Pelajar secara umumnya merupakan seorang pemimpin sama ada sebagai pemimpin kepada dirinya sendiri ataupun pemimpin kepada pelajar yang lain. Walau bagaimanapun tidak ramai dalam kalangan mereka yang menyedari senario ini. Pelajar pada umumnya masih beranggapan bahawa pemimpin ialah seorang yang mempunyai jawatan ataupun kedudukan di dalam sesuatu organisasi.

Sumber : <https://asyrafnordin.wordpress.com/kemahiran-keimpinan>

Petikan di atas menyatakan pelajar sebagai pemimpin di sekolah.

Sebagai ketua pelajar, anda telah diminta untuk menyampaikan sebuah syarahan bertajuk “ciri-ciri pemimpin pelajar” sempena minggu pengucapan awam .

Kehendak / tugas soal

- Calon dikehendaki **menulis karangan berformat syarahan bertajuk “Ciri-ciri Pemimpin Pelajar”**

Kemungkinan jawapan:

- Calon tidak menulis mengikut format syarahan tetapi huraian baik– maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- Calon tidak mengaitkan dengan ciri-ciri pemimpin pelajar tetapi menulis ciri pemimpin secara umum peringkat **BAIK**.
- Calon menghuraikan **selain ciri** –maksimum peringkat **MEMUASKAN**

CADANGAN JAWAPAN

1. Berilmu pengetahuan
2. Berketerampilan
3. Memiliki sahsiah terpuji
4. Berdisiplin dan mematuhi peraturan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT